

Iktibar daripada Peperangan Badar



✦ Ahmad Akram Mahmud Robbi

Peperangan Badar merupakan peperangan besar umat Islam yang pertama kali tercatat dalam lembaran sejarah Islam. Berbeza dengan tradisi permusuhan Rom dan Parsi, kedua-dua empayar ini berkongsi objektif yang sama, iaitu kuasa, kekayaan dan jajahan wilayah baharu. Sementara peperangan Badar pula bertujuan untuk menegakkan kalimah mengesakan Allah SWT dan menyisihkan unsur syirik yang dibanggakan oleh kaum musyrikin Makkah.

Kisah peperangan Badar ini telah diceritakan dalam al-Quran melalui *Surah al-Anfal*. Antara keunikan surah ini termasuklah diturunkan sepenuhnya untuk menerangkan suasana umat Islam ketika sebelum, semasa dan selepas berlakunya peperangan Badar. Imam al-Bukhari merekodkan bahawa Said bin Jubair telah bertanya Ibn Abbas tentang *Surah al-Anfal*. Kata Ibn Abbas, surah ini diturunkan ketika peperangan Badar.”

Walaupun surah ini menggambarkan suasana getir Nabi Muhammad SAW bersama-sama para sahabat yang jauh ketinggalan kemajuan mereka dari aspek kelengkapan peperangan seperti musyrikin Makkah, namun tema ini tidak diangkat pada permulaan surah. *Surah al-Anfal* dimulakan dengan persoalan para sahabat tentang ghanimah atau harta rampasan perang. Para sahabat berselisih pandangan untuk menentukan had ghanimah, dan siapakah yang berhak menerimanya sehingga membawa kepada pergaduhan sesama mereka.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang itu (terserah) bagi Allah dan bagi rasul-Nya (untuk menentukan pembahagiannya). Oleh itu, bertakwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan antara kamu, serta taatilah Allah dan rasul-Nya, jika betul kamu orang-orang yang beriman." (*Surah al-Anfal* 8:1).

Pada awal surah ini, Allah SWT langsung terus mengingatkan para sahabat agar jangan sesekali mereka bergaduh dalam urusan yang terletak di bawah kekuasaan Allah SWT dan rasul-Nya. Allah SWT memerintahkan agar para sahabat bertakwa, membaiki hubungan mereka, mentaati perintah-Nya dan Rasulullah SAW. Bahkan, ketiga-tiga perintah ini merupakan prasyarat bukti keimanan mereka kepada Allah SWT.

Profesor Dr. Ziyad al-Daghamin menyatakan bahawa Allah SWT ingin menyampaikan mesej kepada para sahabat agar mereka tidak lagi berselisih pandangan. Oleh itu, ayat seterusnya menceritakan sifat orang beriman dan bagaimana keadaan asal mereka ketika diperintahkan untuk keluar berperang. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian daripada apa-apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan

Pengorbanan dan perjuangan yang dilakukan oleh para sahabat dalam peperangan Badar bukanlah satu jalan yang mudah. Untuk memastikan cahaya agama tidak malap, mereka mengorbankan jiwa, harta, tenaga dan masa. Demikianlah Allah SWT mengangkat darjat dan kedudukan orang-orang yang berjuang untuk agamanya.

sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di syurga)." (*Surah al-Anfal* 8:2-4).

Dalam ayat ini, Allah SWT mengungkapkan ciri-ciri yang

seharusnya dimiliki oleh orang beriman. Apakah hubungan antara tema perang dengan iman? Islam membersihkan akidah manusia daripada kekotoran syirik dan khurafat. Demikianlah tujuan peperangan Badar yang menjelaskan hubungan mengapa peperangan ini disyariatkan oleh Allah SWT. Allah SWT tidak berbicara soal angka dan jumlah tentera. Allah SWT juga tidak berbicara tentang soal teknologi dan kelengkapan perang. Sekiranya begitu, nescaya musyrikin Makkah sudah merasai bibit-bibit kemenangan mereka dan tentera Islam pula sudah menghidu kekalahan mereka.

Akan tetapi, bukan nilai material yang diangkat dalam peperangan ini. Objektif Badar adalah untuk mengangkat kebenaran dan menolak kebatilan sebagaimana firman Allah yang bermaksud, "Supaya Allah menegakkan yang benar itu dan menghapuskan yang salah (kufur

dan syirik), sekalipun golongan (kafir musyrik) yang berdosa itu tidak menyukainya." (*Surah al-Anfal* 8:8).

Surah al-Anfal dimulakan dengan peristiwa sesudah tamatnya peperangan Badar. Siapakah yang memenangi

peperangan ini? Sudah tentunya tentera Islam. Walaupun begitu, permulaan surah ini tidak menarik perhatian pembaca untuk meraikan kemenangan tentera Islam, sebaliknya teguran kepada para sahabat yang sedikit terleka pada penamat peperangan Badar disebabkan oleh harta dunia dan kebendaan. Demikian terpapar sifat manusiawi yang mempunyai kecenderungan untuk memiliki kemewahan. Namun begitu, al-Quran terus mendidik hati para sahabat agar tidak menjadikan kebendaan asbab kepada permusuhan, bahkan lebih jauh daripada itu, mereka membelakangkan perintah dan saranan al-Quran dan sunah.

Amat besar jasa dan perjuangan para sahabat Rasulullah SAW yang sentiasa berusaha menjaga cahaya Islam daripada dipadamkan oleh musuh-musuh agama. Perjuangan mereka meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke Madinah, kaum keluarga, perniagaan, ladang dan kebun-kebun semata-mata adalah untuk menyahut seruan menegakkan agama Allah SWT dan menuju kepada kebenaran (iman).

Oleh sebab itu, kita dapat lihat sumbangan para sahabat, para tabiin dan generasi seterusnya berkhidmat pada agama dengan pelbagai cara. Ada dalam kalangan mereka yang memilih jalan politik dengan menjadi gabenor seperti Abu Musa al-Asy'ari dan Ammar bin Yaser, ada pula yang memilih untuk berkhidmat kepada agama dengan mengajarkan

para sahabat yang lain dan anak-anak murid tentang hadis Nabi Muhammad SAW seperti Abu Hurairah, Ibn Umar dan Ibn Abbas, serta ada juga yang berkhidmat pada agama mereka dengan menjadi panglima tentera seperti Abu Ubaidah al-Jarrah dan Khalid al-Walid.

Pengajarannya, berkhidmat untuk agama sekalipun di lapangan yang berbeza kerana semangat cinta akan agama dan mahu melihat penganut agama Islam terus bersih daripada kotoran syirik dan khurafat merupakan satu usaha yang amat murni. Sebaliknya, sekiranya agama dijadikan sebagai barang dagangan untuk meraih kekayaan dunia, maka renungilah pesanan Allah SWT menerusi ayat tersebut agar meninggalkan kebendaan semasa melakukan kerja-kerja agama.

Selain itu, jika direnungi pengorbanan dan perjuangan yang dilakukan oleh para sahabat dalam peperangan Badar ini, kita akan mengetahui bahawa jalan yang mereka tempuh bukanlah satu jalan yang mudah. Untuk memastikan cahaya agama tidak malap, mereka mengorbankan jiwa, harta, tenaga dan masa. Demikianlah

Allah SWT mengangkat darjat dan kedudukan orang-orang yang berjuang untuk agamanya.

Firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberikan bantuan) daripada orang-orang muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar." (*Surah al-Tawbah* 9:100).

Tidak ada ganjaran yang paling besar dan berita paling gembira selain daripada meraih reda Allah SWT dan terpilih sebagai calon ahli syurga. Untuk mendapat khabar gembira seperti yang telah Allah SWT nyatakan dalam ayat tersebut, maka tidak ada jalan lain melainkan dengan mengikuti dan mencontohi jalan mereka yang terdahulu (para sahabat). ❀

